

Buruh rogol anak dipenjara 80 tahun, 50 sebatan

Berita Harian 13/03/2024
Kuching: Seorang buruh dihukum penjara 80 tahun dan 50 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini kelmarin, atas pertuduhan merogol anak kandungnya sejak empat tahun lalu.

M/S 69
Hakim Mohd Taufik Mohd Yusoff dan Jason Juga, masing-masing dalam prosiding berasingan menetapkan keputusan itu selepas tertuduh berusia 32 tahun mengaku bersalah terhadap lima pertuduhan dihadapinya mengikut Seksyen 376B Kanun Keseksaan.

Hukuman berjalan serentak

Sejurus pengakuan bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 20 tahun dan 10 sebatan bagi setiap pertuduhan. Mohd Taufik memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak bagi dua pertuduhan, manakala Jason memerintahkan hukuman dijalankan secara berasingan bagi tiga pertuduhan lagi.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya, Syarifah Fatimah Azura, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Bau, Deputy Superintendan Poge Nyaon ketika dihubungi mengesahkan perkara berkenaan, serta memaklumkan hukuman bermula dari tarikh tangkapan dan tertuduh dihantar ke Penjara Puncak Borneo, di sini.

Media sebelum ini melaporkan perbuatan keji tertuduh yang juga warga Indonesia, terbongkar selepas mangsa yang kini berusia 14 tahun ke Klinik Kesihatan Serasot untuk mendapatkan rawatan kerana mengadu demam pada 4 Mac lalu.

Ketika pemeriksaan dilakukan, mangsa menceritakan dirinya dirogol bapa kandung sejak berusia 10 tahun ketika ibu dan ahli keluarga lain tiada di rumah. Susulan itu, penolong pegawai perubatan yang memeriksa mangsa membuat laporan polis sebelum tangkapan dilakukan.